



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 3/2021


**PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN
KE ATAS PERKHIDMATAN PEMBROKERAN BERKAITAN DAGANGAN SAHAM**

- 1 YB Menteri Kewangan di dalam pembentangan Bajet 2022 telah mengumumkan pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan kepada penerima perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham.
- 2 Penerima perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham diberi kelulusan daripada membayar cukai perkhidmatan tertakluk kepada perkara berikut:
 - 2.1 Pengecualian diluluskan berdasarkan subseksyen 34(3)(a), Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
 - 2.2 Selaras dengan pengecualian tersebut, penyedia perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham berdasarkan subseksyen 34(4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
 - 2.3 Pengecualian ini adalah terpakai bagi perkhidmatan dagangan saham yang tersenarai di Bursa Malaysia; dan
 - 2.4 Pengecualian berkuatkuasa mulai **1 Januari 2022**.
- 3 Perkhidmatan yang diberikan pengecualian adalah perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham yang tersenarai di Bursa Malaysia sahaja. Perkhidmatan pembrokeran selain dagangan saham seperti pembrokeran wang, insurans dan lain-lain industri perkhidmatan kewangan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
- 4 Bagi perkhidmatan pembrokeran dagangan saham yang telah diberikan sebelum 1 Januari 2022, perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan penyedia perkhidmatan perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan.
- 5 Sila rujuk Soalan Lazim (FAQ) Berkaitan Perkhidmatan Pembrokeran Dagangan Saham di Lampiran 1.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA**

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PERKHIDMATAN PEMBROKERAN DAGANGAN SAHAM

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Adakah perkhidmatan pembrokeran tertakluk kepada kenaaan cukai perkhidmatan?	Ya, perkhidmatan pembrokeran adalah perkhidmatan bercukai dibawah Butiran 12, Kumpulan I, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PCP 2018) dan tertakluk kepada kenaaan cukai perkhidmatan.
2	Apakah perubahan yang berlaku ke atas perkhidmatan pembrokeran?	Selaras dengan pengumuman Bajet 2022, YB Menteri Kewangan bersetuju untuk penerima perkhidmatan pembrokeran dagangan saham diberi pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan. Pengecualian ini adalah terpakai bagi perkhidmatan dagangan saham yang tersenarai di Bursa Malaysia sahaja.
3	Adakah penerima perkhidmatan pembrokeran yang dinyatakan di bawah Butiran 12, Kumpulan I, PCP 2018 dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan?	Bagi tujuan cukai perkhidmatan, penyediaan perkhidmatan pembrokeran merujuk kepada penjualan dan pembelian sekuriti dan derivatif, insurans, pembrokeran wang dan lain-lain industri perkhidmatan kewangan. Pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan hanya diberikan kepada penerima perkhidmatan pembrokeran dagangan saham sahaja.
4	Bilakah tarikh kuatkuasa pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembrokeran dagangan saham?	Tarikh kuatkuasa pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembrokeran dagangan saham adalah pada 1 Januari 2022.
5	Apakah yang perlu dilakukan oleh pemberi perkhidmatan pembrokeran dagangan saham berdaftar pada 1 Januari 2022?	Selaras dengan pengecualian tersebut, penyedia perkhidmatan tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham berdasarkan subseksyen 34(4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
6	Layanan cukai perkhidmatan semasa tempoh peralihan sebelum atau selepas 1 Januari 2022. Adakah penyedia perkhidmatan perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembrokeran dagangan saham yang telah diberikan sebelum 1 Januari 2022 tetapi masih belum menerima bayaran?	Cukai perkhidmatan menjadi genap masa dan perlu dibayar pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang telah diberikan. Contoh 1: Starz Brokers Sdn Bhd (SBSB) telah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembrokeran dagangan saham yang telah diberikan kepada pelanggannya pada 12 Disember 2021. Bayaran ke atas perkhidmatan tersebut telah diterima pada 15 Januari 2022.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Layanan cukai perkhidmatan bagi tempoh peralihan adalah seperti berikut:</p> <div style="text-align: center;"> <p>Perkhidmatan pembrokeran saham berlaku pada 12 Disember 2021</p> <p>Bayaran diterima pada 15 Januari 2022</p>  </div> <p>Ya. SBSB perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan yang diterima pada 15 Januari 2022 bagi perkhidmatan yang telah berlaku pada 12 Disember 2021.</p>
7	<p>Perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham dikecualikan CP, adakah penyedia perkhidmatan boleh berhenti daripada berdaftar?</p> <p>Adakah penyedia perkhidmatan masih perlu menghantar penyata?</p>	<p>Dibawah Seksyen 19, Akta, sekiranya seseorang berdaftar berhenti daripada menjalankan perniagaan yang memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai atau terhenti daripada bertanggungjawab untuk berdaftar dibawah Seksyen 18, Akta, hendaklah memberi tahu Ketua pengarah secara bertulis dan memohon untuk pembatalan pendaftaran dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberhentian itu.</p> <p><u>Contoh 2:</u> ELTZ Brokers Sdn Bhd (ELTZ) merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti pembrokeran dagangan saham dan pembrokeran insurans.</p> <p>Bermula 1 Januari 2022, ELTZ tidak perlu memohon untuk berhenti daripada menjadi orang berdaftar kerana ELTZ masih perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas pemberian perkhidmatan pembrokeran insurans sahaja.</p> <p><u>Contoh 2:</u> Brokers Malaysia Sdn Bhd (BMSB) merupakan syarikat yang menjalankan aktiviti pembrokeran dagangan saham dan disenaraikan di Bursa Malaysia.</p> <p>Sekiranya BMSB tidak mempunyai aktiviti pembrokeran selain daripada pembrokeran dagangan saham, BMSB tidak lagi memberikan perkhidmatan bercukai bermula 1 Januari 2022.</p> <p>Ya. BMSB boleh memohon untuk membatalkan pendaftaran di bawah Seksyen 19, Akta Cukai Perkhidmatan 2018. BMSB perlu menghantar penyata terakhir tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas pemberhentian menjadi orang berdaftar atau mana-mana tarikh yang terkemudian yang dibenarkan oleh Ketua pengarah di bawah Seksyen 26(3), Akta Cukai Perkhidmatan 2018.</p>